

NO. DAFTAR
KONTRAK:

K³⁵ / 2019

Bertarikh 11 hb 12 9 tahun 2019

ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

DAN

**NUTRIMAN CORPORATION SDN BHD
(NO. SYARIKAT:619269-V)**

PERJANJIAN


PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN

MESIN PENYALIN DIGITAL KONICA MINOLTA

PERJANJIAN ini dibuat pada 11 hari bulan 12th tahun 2019

ANTARA

PENYEWA iaitu **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966 yang beralamat di **Peti Surat 64, Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya, Selangor** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "MPC") bagi satu pihak;.



DAN

PEMILIK iaitu **NUTRIMAN CORPORATION SDN BHD (No. Syarikat: 619269-V)** sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di **No E-06-05 Starparc Point, Jalan Taman Ibu Kota, 53300 Kuala Lumpur** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi pihak yang satu lagi.

(Kedua-dua Kontraktor dan **MPC** boleh dirujuk kemudian daripada ini secara berasingan sebagai "Pihak" atau bersesama sebagai "Pihak-Pihak")

BAHAWASANYA Kontraktor bersetuju untuk menyewakan peralatan mesin penyalin (seperti yang didefinisi selepas ini) dan menyediakan Khidmat Penyelenggaraan (seperti yang didefinisi selepas ini) kepada **MPC** dan **MPC** bersetuju untuk menerima peralatan dan khidmat penyelenggaraan yang dibekalkan oleh Kontraktor mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT :

FASAL 1: TAKRIF

- 1.1. Dalam Perjanjian ini melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain, istilah di bawah ini akan membawa maksud seperti berikut:

"Bulan"	bermaksud bulan kalendar Gregorian;
"Khidmat Penyelenggaraan"	bermaksud kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian mana-mana bahagian atau alat ganti yang rosak agar peralatan tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati MPC tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada MPC dan membekalkan peralatan guna habis (<i>consumable</i>) seperti toner, drum, roller, dawai kokot dan bahan-bahan lain yang dibekalkan oleh kontraktor secara percuma kepada MPC;
"MPC"	bermaksud Perbadanan Produktiviti Malaysia, Peti Surat 64, Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya, Selangor;
"Kontraktor"	bermaksud Nutriman Corporation Sdn Bhd. (No. Syarikat: 619269-V) sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di No E-06-05 Starparc Point, Jalan Taman Ibu Kota, 53300 Kuala Lumpur.
"Penghantaran"	bermaksud penghantaran peralatan oleh Kontraktor ke Premis;

"Peralatan"	bermaksud sebelas (11) unit mesin penyalin seperti spesifikasi yang dinyatakan di Lampiran 1 & 1(a) Perjanjian ini dan hendaklah termasuk semua penggantian, pembaharuan atau penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa terhadap mesin penyalin tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya serta sebarang aksesori yang ditambahkan kepada mesin penyalin tersebut;
"Perjanjian"	bermaksud Perjanjian ini termasuk Lampiran-Lampiran yang dilampirkan kepadanya.
"Premis"	bermaksud tempat di mana peralatan ditempatkan dan dipasangkan iaitu seperti yang dinyatakan di Lampiran 1(a).
"Sewa"	bermaksud sewa bulanan dan caj sesaliran yang mesti dibayar oleh MPC dalam Tempoh Perjanjian seperti diperihalkan dalam Fasal 3.1 dan Lampiran 2; dan
"Waktu Perniagaan Biasa"	bermaksud waktu pejabat MPC iaitu ; (a) mulai 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat

FASAL 2: SPESIFIKASI PERALATAN

- 2.1. Spesifikasi peralatan adalah seperti diperihalkan di Lampiran 1.
- 2.2. Pihak-Pihak adalah dibenarkan membuat perubahan atau pindaan ke atas spesifikasi yang dinyatakan di Lampiran 1 & 1(a) kepada Perjanjian ini DENGAN SYARAT mana-mana perubahan atau pindaan ke atas spesifikasi peralatan dan jadual seperti diperihalkan di Lampiran 1 & 1(a) kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat di atas persetujuan bersama antara Pihak-Pihak.

FASAL 3 : TEMPOH PENYEWAAN

- 3.1. Perjanjian ini adalah bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan mulai **1 hari bulan September 2019** dan berakhir **31 hari bulan Ogos 2022** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai ("Tempoh Penyewaan")).
- 3.2. Atas permintaan bertulis daripada MPC yang dibuat tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum tamatnya Tempoh Penyewaan ini, Kontraktor bolehlah melanjutkan Perjanjian ini DENGAN SYARAT SENTIASANYA bahawa MPC telah membayar kesemua Sewa, mematuhi dan melaksanakan kesemua obligasi, waad serta syarat dalam Perjanjian ini, untuk suatu tempoh masa dan kadar sewa yang akan dipersetujui oleh pihak-pihak dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang akan dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

FASAL 4: SEWA

- 4.1. MPC hendaklah sepanjang Tempoh Perjanjian, membayar Sewa seperti diperihalkan dalam Lampiran 2 Perjanjian ini tertakluk kepada penerimaan oleh MPC satu (1) salinan invoice bagi setiap pembayaran daripada Kontraktor.

- 4.2. MPC hendaklah membayar Sewa dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas invois bulanan yang dinyatakan di Fasal 4.1 di atas diterima oleh MPC daripada Kontraktor setiap bulan.
- 4.3. Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga mengenai bayaran Sewa, Peralatan dan Khidmat Penyelenggaraan di dalam Perjanjian ini adalah di luar tanggungjawab MPC.

FASAL 5: PENGHANTARAN PERALATAN

- 5.1. Kontraktor hendaklah menghantar peralatan ke premis pada atau sebelum tarikh penghantaran yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak. Kontraktor juga hendaklah menghantar dan memasang peralatan tersebut sehingga ianya dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.
- 5.2. Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada MPC mengenai penghantaran peralatan sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum peralatan dihantar ke premis.
- 5.3. Jika berlaku sebarang kelewatan dalam menyediakan tempat pemasangan peralatan di premis, MPC hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor terlebih dahulu supaya tarikh dan masa penghantaran peralatan baru boleh ditetapkan.
- 5.4. Kontraktor akan menanggung segala kos pemasangan dan penghantaran peralatan dan memastikan peralatan berada dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.

FASAL 6: PEMERIKSAAN PERALATAN

- 6.1. MPC hendaklah memeriksa peralatan semasa penghantaran peralatan dibuat kepadanya. Tertakluk kepada Fasal 8, MPC adalah dianggap telah memeriksa peralatan dan berpuas hati dengan keadaan peralatan apabila Kontraktor tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada MPC tentang ketidakpuasan hatinya terhadap peralatan dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemasangan peralatan, kecuali apa-apa kecacatan yang tidak dapat dikesan oleh MPC dalam pemeriksaan yang patut.
- 6.2. MPC hendaklah melantik dua (2) orang kakitangan mereka untuk menguruskan operasi peralatan di mana mereka akan dilatih oleh Kontraktor berkenaan dengan cara-cara penggunaan operasi peralatan dengan baik dan berkesan.

FASAL 7: PENERIMAAN PERALATAN

- 7.1. Walaupun peralatan telah diterima, walaupun di luar tempoh pemeriksaan seperti dinyatakan di dalam 6.2, MPC adalah sentiasa berhak pada bila-bila masa menolak peralatan jika tidak menepati spesifikasi atau syarat-syarat yang ditentukan dalam Perjanjian ini.
- 7.2. Jika dalam Tempoh Penyewaan, peralatan didapati rosak sehingga menyebabkan MPC tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan ia disewa, Kontraktor hendaklah, setelah notis bertulis diberi, menyenggara dan membaiki peralatan itu tanpa sebarang kos kepada MPC mengikut masa yang ditetapkan.
- 7.3. Dalam keadaan di mana berlaku kerosakan ke atas peralatan yang tidak boleh diperbaiki di premis, maka Kontraktor bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis MPC terlebih dahulu, mengalihkan peralatan di suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini,

Kontraktor hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif dibekalkan kepada MPC sebagai gantian, sementara kerja penyenggaraan dan pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang kos tambahan kepada MPC.

- 7.4. Jika Kontraktor masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas peralatan atau jika telah diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan peralatan dalam tempoh tujuh (7) hari dikira dari tarikh bermulanya pemberitahuan kerosakan peralatan berlaku, maka adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk menggantikan peralatan itu dengan peralatan baru.
- 7.5. Jika dalam Tempoh Sewaan, peralatan didapati tidak memuaskan dan/atau rosak sehingga menyebabkan MPC tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan ia disewa dan Kontraktor tidak mengambil tindakan dalam tempoh masa tiga (3) hari Waktu Perniagaan Biasa atau tidak mampu untuk membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari Waktu Perniagaan Biasa dari tarikh pemberitahuan, MPC berhak menolak peralatan dan Kontraktor dikehendaki menggantikannya dengan peralatan baru yang sama kapasitinya tanpa apa-apa bayaran tambahan dan Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa untuk baki Tempoh Penyewaan.

FASAL 8: WAAD MPC

- 8.1. **MAKA MPC DENGAN INI BERWAAD DENGAN KONTRAKTOR** seperti berikut :
 - (a) memastikan ruangan pemasangan, jalan laluan dan mata elektrik adalah bersesuaian untuk kerja-kerja pemasangan Peralatan;
 - (b) membayar Sewa mengikut Perjanjian ini;

- (c) membenarkan Kontraktor dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kontraktor, pada setiap masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah diberi terlebih dahulu untuk masuk ke dalam Premis bagi maksud memeriksa keadaan peralatan dan menjalankan Khidmat Penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (d) menjaga dan memastikan bahawa peralatan berada dalam milikan MPC sepanjang Tempoh Penyewaan dan mengawal serta tidak memindah peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya dari Premis tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari Kontraktor dan persetujuan itu tidak boleh ditahan dengan tidak munasabahnya;
- (e) tidak menyebabkan atau membenarkan peralatan dipasang atau dilekatkan pada Premis sebagai lekapan;
- (f) membayar ganti rugi kepada Kontraktor atas segala kehilangan atau kerosakan yang berlaku terhadap peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya kehilangan atau kerosakan tersebut disebabkan oleh tindakan sengaja MPC atau kakitangannya;
- (g) memastikan peralatan bebas daripada sebarang pelaksanaan distress atau proses undang-undang yang lain;
- (h) memberitahu Kontraktor tentang sebarang perubahan alamat MPC atau sebarang perubahan kepada tempat peralatan hendak ditempatkan;
- (i) tidak menjual, menyerahkan hak, menyewa, menggadai janji, menyandar atau melepaskan milik peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor; dan

- (j) akan mematuhi segala ketetapan undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini.

FASAL 9: WAAD KONTRAKTOR

9.1. MAKA KONTRAKTOR DENGAN INI BERWAAD DENGAN MPC seperti berikut :

- (a) memberi jaminan bahawa peralatan yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini adalah produk keluaran semasa, baru, tulen dan belum pernah digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk ;
- (b) menghantar dan memasang peralatan di premis dengan syarat peralatan hendaklah baru dan dalam keadaan yang memuaskan dan mengikut spesifikasi yang ditentukan dalam Perjanjian ini;
- (c) memastikan peralatan berada dalam keadaan yang memuaskan dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah membekalkan Khidmat Penyelenggaraan dan pembaikan yang sempurna, pada tahap yang memuaskan MPC serta membekalkan alat-alat ganti tanpa kos di pihak MPC. Apa-apa perkhidmatan oleh Kontraktor hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Perniagaan Biasa ,
- (d) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos dan perbelanjaan menyediakan perkhidmatan dan penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini;
- (e) memberi jaminan bahawa pelaksanaan Khidmat Penyelenggaraan pembaikan dan pembekalan alat-alat ganti ke atas peralatan akan

berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran kerja;

- (f) memastikan bahawa peralatan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah menyediakan Khidmat Penyelenggaraan sekurang-kurangnya satu kali sebulan seperti memeriksa, servis dan membaiki tanpa mengenakan apa-apa caj kepada MPC dan perkhidmatan ini hendaklah dibuat dalam Waktu Peniagaan Biasa atau mengikut aturan seperti mana yang dipersetujui bersama oleh Pihak-pihak;
- (g) membekalkan alat-alat ganti yang tulen dan setaraf tanpa apa-apa kos kepada MPC. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Kontraktor hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Perniagaan Biasa dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan MPC;
- (h) bertindak kepada aduan kerosakan oleh MPC di mana **“Response time”** oleh Kontraktor untuk memberi khidmat penyelenggaraan, pembaikan dan pemberi sewaan alat-alat ganti hendaklah **dalam masa 2 hingga 4 jam waktu bekerja**, dikira dari waktu panggilan, dengan syarat panggilan dibuat sebelum jam 3.00 petang pada hari yang sama. Jika panggilan diterima selepas waktu tersebut, penyelenggaraan, pembaikan dan pemberi sewaan alat-alat ganti akan dibuat sebelum jam 12 tengah hari keesokan harinya;
- (i) menginsurankan peralatan dan terus menginsurankan peralatan tersebut daripada kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran dan kecuaian pada nilai penggantian penuh dengan syarikat insurans yang diluluskan oleh MPC di bawah polisi insurans yang komprehensif;

- (j) menghantar pekerja yang berkecualan untuk memeriksa, menyelaras dan menyenggara Peralatan di Premis untuk memastikan Peralatan berada dalam keadaan yang baik.
- (k) mengajar dan melatih juruteknik MPC yang dipilih untuk memeriksa, menyelaras dan menyenggara Peralatan dengan baik dan berkesan;
- (l) menggantirugi MPC atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan yang berbangkit daripada kecuaian, kelalaian atau perbuatan sengaja Kontraktor, pekerjaanya, agen-agennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya;
- (m) membekalkan peralatan pakai habis (consumables) seperti "toner", "drum", "roller", dawai kokot, bahan-bahan lain dan sebagainya secara percuma sepanjang Tempoh Penyewaan;
- (n) membenarkan MPC yang telah dengan wajarnya membayar Sewa dan melaksanakan serta mematuhi persetujuan-persetujuan dan syarat-syarat di pihaknya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menikmati secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Penyewaan tanpa gangguan atau kekacauan dari atau oleh Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi Kontraktor;
- (o) akan mematuhi segala ketetapan undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini;
- (p) tidak memajakkan kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa Perjanjian kecil bagi tujuan Perjanjian ini dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MPC;

- (q) tidak memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini atau apa-apa faedah yang terbit atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini kepada mana-mana orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MPC; dan
- (r) memastikan apa-apa isu yang mungkin berbangkit antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Peralatan dan Khidmat Penyenggaraan, termasuklah berkaitan dengan bayaran Sewa dan apa-apa perkara lain, hendaklah ditangani dan diselesaikan oleh Kontraktor dan tidak boleh dikaitkan dengan MPC dalam apa cara jua; dan

FASAL 10: REPRESENTASI DAN WARANTI

10.1 Kontraktor dengan ini memberi representasi dan waranti kepada MPC bahawa:-

- (a) Kontraktor adalah sebuah syarikat yang wujud dan sah didaftarkan di bawah undang-undang di Malaysia;
- (b) Kontraktor mempunyai kuasa dan kemampuan untuk menandatangani Perjanjian ini dan melaksanakan terma-terma yang terkandung di dalamnya;
- (c) Kontraktor telah mengambil langkah yang sah dan sempurna untuk memasuki serta melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian ini;
- (d) Tiada tindakan undang-undang sama ada sivil atau jenayah, timbang tara, tuntutan cukai, pertelingkahan atau apa-apa prosiding pada ketika

ini atau yang tertangguh atau di dalam pengetahuan, atau kemungkinan terdapat, yang mana begitu material dan akan secara langsung mempengaruhi kemampuan kewangan Kontraktor atau lain-lain obligasi di bawah Perjanjian ini;

- (e) Kontraktor mempunyai kemampuan kewangan dan teknikal untuk menjayakan serta melaksanakan obligasinya menurut Perjanjian ini dan Kontraktor memperakui bahawasanya MPC memasuki Perjanjian ini berdasarkan kepada representasi dan waranti yang disebutkan di atas.

FASAL 11: HAKMILIK PERALATAN

- 11.1. Hakmilik ke atas peralatan adalah terletak pada Kontraktor dan akan kekal sepanjang Tempoh Penyewaan. Selepas tamat Tempoh Penyewaan, peralatan tersebut akan diambil semula oleh Kontraktor tanpa sebarang caj kepada MPC.

FASAL 12: PENAFIAN

- 12.1. Kegagalan Kontraktor atau MPC menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penafian hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.

FASAL 13: PENAMATAN

- 13.1. Kontraktor boleh dengan memberi notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada MPC menamatkan Perjanjian ini jika didapati:
 - (a) MPC telah gagal membayar Sewa kepada Kontraktor; atau

- (b) MPC gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

13.2. MPC boleh dengan memberi notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Kontraktor untuk menamatkan Perjanjian ini jika didapati:

- (a) Kontraktor gagal untuk mematuhi syarat-syarat atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini; atau
- (b) Kontraktor sebagai orang perseorangan (atau apabila Kontraktor adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau sesuatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang, atau jika Kontraktor adalah sebuah syarikat, meluluskan suatu ketetapan atau Mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah membuat suatu perintah penggulungan;

Dengan syarat sentiasanya bahawa penamatan Perjanjian di bawah Fasal 13.2. ini tidak akan menyentuh hak-hak lain MPC yang sedia terakru di bawah Perjanjian ini.

13.3. Tanpa menyentuh apa-apa hak lain, jika MPC berpuas hati bahawa Kontraktor terlibat dalam rasuah, aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana kontrak lain yang dimasuki oleh Kontraktor dengan MPC, MPC berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis bagi tujuan tersebut. Penamatan berkenaan tidak menjejaskan hak MPC terhadap apa-apa kerugian,

kos, ganti rugi dalam perbelanjaan (termasuk kos-kos sampingan) yang timbul daripada penamatan tersebut.

- 13.4. Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, setelah memberi notis bertulis kepada Kontraktor, MPC berhak menuntut ganti rugi daripada Kontraktor untuk kerugian yang dialami oleh MPC akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

KLAUSA 14: PENAMATAN KONTRAK ATAS SEBAB RASUAH

- 14.1 MPC mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor) melakukan perbuatan rasuah atau aktiviti yang bercanggah dengan perbuatan yang akan terjumlah kepada suatu kesalahan menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau kesalahan dengan undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain antara Kontraktor dan pihak MPC dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak MPC untuk menuntut apa-apa kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MPC akibat daripada penamatan itu; atau

KLAUSA 15: PENAMATAN ATAS DASAR KERAJAAN

- 15.1 Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan dalam Perjanjian ini, MPC boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa memberi apa-apa pampasan) dengan memberikan notis tidak kurang dari tiga puluh (30) hari dari tarikh penamatan diniatkan kepada Kontraktor (tanpa apa-apa obligasi memberikan sebarang alasan) jika Kerajaan berpendapat bahawa penamatan Perjanjian ini adalah perlu bagi kepentingan Negara, demi keselamatan Negara atau bagi tujuan mematuhi dasar Kerajaan Malaysia atau dasar awam.

- 15.2 Bagi tujuan subfasal 14.1 Perjanjian ini, apa yang dimaksudkan dengan kepentingan negara, demi keselamatan negara atau bagi tujuan mematuhi dasar Kerajaan Malaysia atau dasar awam hendaklah ditentukan dan ditafsirkan oleh Kerajaan dan penentuan dan penafsiran ini hendaklah muktamad dan konklusif dan hendaklah tidak terbuka kepada apa-apa penentangan atau bantahan daripada Kontraktor.

KLAUSA 16: JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 16.1 Apa-apa pertikaian di antara pihak-pihak dalam apa jua hal yang berbangkit daripada Perjanjian ini boleh dirujuk kepada suatu Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian (selepas ini boleh dirujuk sebagai "Jawatankuasa") yang hendaklah terdiri daripada:-
- (i) Ketua Pengarah MPC, atau wakilnya, sebagai Pengerusi;
 - (ii) Dua (2) orang wakil yang dilantik oleh MPC; dan
 - (iii) Dua (2) orang wakil yang dilantik oleh Kontraktor.
- 16.2 Jawatankuasa boleh melantik satu pakar bebas dalam bidang berkaitan atau satu pakar bebas dalam setiap bidang yang berkaitan (sekiranya lebih daripada satu bidang) untuk menasihatkannya dalam apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya semua kos, dan perbelanjaan mana-mana pakar bebas yang dilantik hendaklah ditanggung secara sama rata oleh Pihak-pihak.
- 16.3 Jawatankuasa hendaklah menentukan prosedur-prosedurnya sendiri. Jawatankuasa hendaklah bertemu dan bermesyuarat bagi mendapatkan penyelesaian damai di antara Pihak-pihak dalam perkara yang dirujuk kepadanya.
- 16.4 Jika, apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan yang telah dirujuk kepada Jawatankuasa tidak dapat dipersetujui oleh Pihak-pihak yang berkaitan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan tersebut, mana-mana Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbang tara.

FASAL 17: TIMBANG TARA

- 17.1 Jika apa-apa perkara, pertelingkahan atau tuntutan yang timbul daripada atau bersangkutan dengan Perjanjian ini atau kemungkiran atau penamatan yang tidak boleh dipersetujui atau tidak boleh diselesaikan secara persahabatan oleh Pihak-pihak, perkara, pertelingkahan atau tuntutan itu hendaklah dirujuk kepada seorang penimbang tara yang dipersetujui antara Pihak-pihak dan kegagalan kepada persetujuan tersebut akan dilantik di atas permohonan salah satu Pihak oleh Ketua Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur dan apa-apa rujukan hendaklah disifatkan sebagai tertakluk kepada timbang tara bagi maksud Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646]. Keputusan penimbang tara itu hendaklah muktamad dan mengikat Pihak-pihak.
- 17.2 Setiap timbang tara itu hendaklah didengar di Pusat Timbang Tara Serantau, Kuala Lumpur dengan menggunakan kemudahan dan sistem yang didapati di pusat tersebut.

FASAL 18: NOTIS/SURAT MENYURAT

- 18.1 Apa-apa notis, surat-menyurat yang berkaitan dengan perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis. Notis atau surat-menyurat itu hendaklah disifatkan sebagai telah diberi atau dibuat apabila ia telah disampaikan dengan pos berdaftar, faksimili atau diserahkan secara ke diri ke alamat yang berikut;

a) MPC:

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC),
Peti Surat 64,
Jalan Sultan,
46904 Petaling Jaya, Selangor

No. Tel : 03-7955 7266

No. Faks : 03-7957 8068

FASAL 27: PELUPUSAN HAK

- 27.1 Kegagalan mana-mana Pihak dalam menjalankan penguatkuasaan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu pelupusan hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.
- 27.2 Sebarang pelupusan hak oleh mana-mana Pihak hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk dan dipersetujui oleh Pihak tersebut.

FASAL 28: IKATAN PERJANJIAN

- 28.1 Perjanjian ini hendaklah mengikat agen-agen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penamaan pindah milik Agensi Pelaksana.

FASAL 29: KESELURUHAN PERJANJIAN


- 29.1 Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan dan persefahaman di antara kedua-dua pihak dengan obligasi-obligasi kedua-dua pihak dalam perjanjian ini dan mengatasi serta membatalkan mana-mana perjanjian, kontrak, representasi, persetujuan, surat rundingan persefahaman, syarat-syarat dan terma-terma terdahulu sebelum Perjanjian ini berkuatkuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau sama ada secara lisan atau bertulis, di antara kedua-dua pihak terhadap atau berkaitan dengan Perjanjian ini.

SEBAGAI MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA di atas , pihak-pihak kepada Perjanjian ini menurunkan tandatangan-tandatangan mereka pada tarikh yang mula disebut di atas

DITANDATANGANI oleh)

Bagi pihak **PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA**)

DATO' ABDUL LATIF HU ABU SEMAN
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



Di hadapan :-)

.....
DATIN ROSELEENA HASHIM
TIMBALAN PENGARAH
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA)



Tarikh : 01 September 2019

DITANDATANGANI oleh)

Bagi pihak **NUTRIMAN
CORPORATION SDN BHD**)




ANNIZAH BINTI ABDUL JALIL

Di hadapan :-)



ZUHAIRI B KASPOL

Tarikh : 01 September 2019

LAMPIRAN

(hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini)

- 1 SPESIFIKASI SEBELAS (11) UNIT MESIN PENYALIN KONICA MINOLTA DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA.
- 1(a) SENARAI LOKASI SEBELAS (11) UNIT MESIN PENYALIN KONICA MINOLTA DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
- 2 BUTIRAN DAN KADAR SEWA
- 3 SENARAI NAMA KAKITANGAN TEKNIKAL.

JADUAL 1: MESIN PENYALIN DIGITAL WARNA MULTIFUNGSI

TENDER BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN PENYALIN BERWARNA 35 HELAIAN SEMINIT UNTUK TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN

Spesifikasi Mesin Penyalin Pelbagai Fungsi Berwarna Dengan Kapasiti sederhana (Small Duty)

BIL.	NAMA DAN SPESIFIKASI BARANG (BERDASAR SEUNIT MESIN)	MANDATORI	MODEL DAN JENAMA	UNIT	SPESIFIKASI PETENDER	
					(YA/ TIDAK)	NYATAKAN
1.0	SPESIFIKASI MESIN PENYALIN DIGITAL WARNA MULTI FUNGSI					
1.1	Model dan Jenama mestilah baru	M			Ya	Model: Brother C368 (mestilah baru) Jenama: Konica minolta
1.2	Berat Mesin				Ya	85 kg
1.3	Dimensi Mesin				Ya	(W) x (D) x (H) 615mm x 685mm x 979mm
1.4	Penggunaan Kuasa				Ya	AC220 to 240 V 50/60 Hz
1.5	Tahun Pengeluaran				Ya	2018
1.6	Kuantiti Mesin	M		2	Ya	2 unit mesin dan stok kolekan
2.0	SPESIFIKASI PENGIMBAS					
2.1	Kelajuan Pengimbas: Hitam/Putih : Tidak kurang 80 Helai A4 seminit Warna: Tidak kurang 80 Helai A4 seminit	M M			Ya	Hitam/Putih dan Warna 80 helai A4 seminit
2.2	Jenis Dokumen - Hitam / Putih dan Warna	M			Ya	Mesin mampu mengimbas Hitam/Putih dan Warna

BIL	NAMA DAN SPESIFIKASI BARANG (BERDASAR SEUNIT MESIN)	MANDATORI	MODEL DAN JENAMA	UNIT	SPESIFIKASI PETENDER	
					(YA/ TIDAK)	NYATAKAN
2.3	Resolusi - Tidak kurang 600 dpi x 600 dpi	M			Ya	600 dpi x 600 dpi
2.4	Saiz Asal Dokumen - sehingga saiz A3 - A5	M			Ya	saiz A3 - A5 boleh digunakan sebagai saiz asal dokumen untuk diimbas.
2.5	Keupayaan Pengimbas - Imbasan depan belakang dokumen (Duplex)	M			Ya	Pengimbas mampu membuat imbasan depan dan belakang dokumen secara serentak (duplex)
2.6	Kapasiti Pengimbas (Document Feeder Paper Tray) - Tidak kurang 100 helai 80 gsm (A3)	M			Ya	100 helai 80 gsm (A3) yang boleh diletakkan di atas dulang pengimbas.
2.7	Ciri-Ciri Tambahan				Ya	Jenis imbasan - scan to email - scan to FTP - scan to HDD - scan to PC
3.0	SPESIFIKASI PENYALIN DAN PENGETAK					
3.1	Proses Penyalin - (Sila nyatakan spesifikasi)				Ya	Type: Embedded CPU: ARM Cortex-A4 Dual Core 1.2 GHz
3.2	Kelajuan cetakan: Tidak kurang 35 helai A4 (Hitam/Putih) seminit	M			Ya	36 helai A4 Hitam/Putih seminit
	Tidak kurang 35 helai A4 (Warna) seminit	M			Ya	36 helai A4 (Warna) seminit
3.3	Resolusi - Tidak kurang 1,200 dpi x 1,200 dpi.	M			Ya	1200 dpi x 1200 dpi.
3.4	Saiz Kertas Hasil Cetakan Maksima: Tidak kurang daripada SRA3, 12 x 18", A5	M			Ya	SRA3, 12 x 18", A5

BIL.	NAMA DAN SPESIFIKASI BARANG (BERDASAR SEUNIT MESIN)	MANDATORI	MODEL DAN JENAMA	UNIT	SPESIFIKASI PETENDER	
					(YA/ TIDAK)	NYATAKAN
4.0	TEKNOLOGI HIJAU					
4.1	Mengurangkan penggunaan tenaga elektrik semasa standby mode.				Ya	The mpp's CPU power is set to turn off during sleep mode/standby mode.
4.2	Sila nyatakan teknologi toner bagi sumbangan alam sekitar				Ya	Similar HD toner C-raw materials used in similar HD production including biomass.
4.3	Sila nyatakan teknologi hijau bagi sumbangan alam sekitar				Ya	- usage of the recycled materials Recycled PC/PET
4.4	Ciri-Ciri Tambahan - (Sila nyatakan)				Ya	Model mesin terasurai dalam teknologi yang dihasilkan oleh Malaysia Green Technology.
5.0	LATIHAN PENGENDALIAN MESIN					
5.1	Bilangan hari latihan yang akan diberikan secara percuma di premis petendar				Ya	Latihan akan diberikan kepada setiap department. Bilangan hari bergantung pada jumlah department yang ada. Anggaran masa untuk 1 department 3 jam.
5.2	Latihan lanjutan bagi anggota yang kurang cekap				Ya	Latihan lanjutan akan diberikan tanpa mengenakan sebarang caj.
5.3	Latihan bagi memasukkan anggota baru yang memerlukan latihan				Ya	Latihan untuk memasukkan anggota baru juga akan diberikan tanpa mengenakan sebarang caj.
5.4	Kemudahan-kemudahan Lain				Ya	OO/manual akan disediakan.
5.0	PERKHIDMATAN DAN PENYELENGGARAAN					

BIL.	NAMA DAN SPESIFIKASI BARANG (BERDASAR SEUNIT MESIN)	MANDATORI	MODEL DAN JENAMA	UNIT	SPESIFIKASI PETENDER	
					(YANG TIDAK)	NYATAKAN
6.1	Penyelenggaraan				Ya	Penyelenggaraan berkala : 3 bulan sekali Penyelenggaraan pembaikan : 2 jam dan laporan keatas.
6.2	Penggantian alat ganti asli				Ya	semua alat ganti adalah asli dan diuruskan oleh pihak teknikal dan suarikat MNSPai.
6.3	Bekalan Toner, consumables dan stapler bullet	M			Ya	Toner consumables dan stapler bullet akan dibekalkan secara peruma.
6.4	Memberi maklum balas terhadap kerosakan dalam jangka masa dua (2) jam				Ya	Maklum balas terhadap kerosakan adalah dalam jangka masa dua (2) jam oleh syarikat penerima.
7.0	LOKASI PENGHANTARAN / PERKHIDMATAN					
7.1	BLOK INOVASI Unit HRMD				Ya	mesin akan dihantar ke BLOK INOVASI Unit HRMD
7.2	BLOK INOVASI /Bilik Leadership				Ya	mesin akan dihantar ke BLOK INOVASI /Bilik Leadership

JADUAL 2: MESIN PENYALIN DIGITAL WARNA MULTIFUNGSI

**TENDER BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN PENYALIN PELBAGAI FUNGSI BERWARNA 45 HELAIAN SEMINIT
UNTUK TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN**

Spesifikasi Mesin Penyalin Pelbagai Fungsi Berwarna Dengan Kapasiti sederhana (Medium Duty)

BIL.	NAMA DAN SPESIFIKASI BARANG (BERDASAR SEUNIT MESIN)	MANDATORI	MODEL DAN JENAMA	UNIT	SPESIFIKASI PETENDER	
					(YA/ TIDAK)	NYATAKAN
1.0	SPESIFIKASI MESIN PENYALIN DIGITAL WARNA MULTIFUNGSI					
1.1	Model dan Jenama mestilah baru	M			Ya	Model : Busho C458 (mesin Baru) Jenama : Konica minolta
1.2	Berat Mesin				Ya	110 kg
1.3	Dimensi Mesin				Ya	(W) x (D) x (H) 615 mm x 693 mm x 961 mm
1.4	Penggunaan Kuasa				Ya	AC220-240V 10A (50-60 Hz)
1.5	Tahun Pengeluaran				Ya	2018
1.6	Kuantiti Mesin	M		3	Ya	3 unit mesin baru akan dibekalkan
2.0	SPESIFIKASI PENGIMBAS					
2.1	Kelajuan Pengimbas: Hitam/Putih : Tidak kurang 80 Helai A4 seminit Warna: Tidak kurang 80 Helai A4 seminit	M M			Ya Ya	Hitam /putih dan warna untuk mengimbas A4 Simplex : 120 opm chelai seminit) Duplex : 240 opm chelai seminit)
2.2	Jenis Dokumen - Hitam / Putih dan Warna	M			Ya	mesin mampu mengimbas Hitam /putih dan warna

BIL.	NAMA DAN SPESIFIKASI BARANG (BERDASAR SEUNIT MESIN)	MANDATORI	MODEL DAN JENAMA	UNIT	SPESIFIKASI PETENDER	
					(YA/ TIDAK)	NYATAKAN
2.3	Resolusi - Tidak kurang 600 dpi x 600 dpi	M			Ya	600 dpi x 600 dpi
2.4	Saiz Asal Dokumen - sehingga saiz A3 - A5	M			Ya	saiz A3 - A5 boleh digunakan sebagai saiz asal dokumen untuk diimbas.
2.5	Keupayaan Pengimbas - Imbasan depan belakang dokumen (Duplex)	M			Ya	Pengimbas mampu membuat imbasan depan dan belakang dokumen secara serentak (Duplex)
2.6	Kapasiti Pengimbas (Document Feeder Paper Tray) - Tidak kurang 130 helai 80 gsm (A3)	M			Ya	300 helai 80 gsm (A3)
27	Ciri-Ciri Tambahan				Ya	Sistem "Single Pass Simultaneous Duplex" system - dapat memperolehi proses mengimbas dan mengurangkan risiko kertas tersangkut yang boleh melambatkan dan mengganggu kerja pejabat.
3.0	SPESIFIKASI PENYALIN DAN PENGETAK					
3.1	Proses Penyalin - (Sila nyatakan spesifikasi)				Ya	Type: Embedded CPU: 50C 21600 MHz) dual core)
3.2	Kelajuan cetakan: Tidak kurang 45 helai A4 (Hitam/Putih) seminit Tidak kurang 40 helai A4 (Warna) seminit	M M			Ya Ya	Kelajuan cetakan untuk Hitam/Putih dan Warna adalah 45 helai seminit untuk A4
3.3	Resolusi - Tidak kurang 1,200 dpi x 1,200 dpi	M			Ya	1200 dpi x 1200 dpi
3.4	Saiz Kertas Hasil Cetakan Maksima: Tidak kurang daripada SRA3, 12 x 18", A5	M			Ya	SRA3, 12 x 18", A5

BIL.	NAMA DAN SPESIFIKASI BARANG (BERDASAR SEUNIT MESIN)	MANDATORI	MODEL DAN JENAMA	UNIT	SPESIFIKASI PETENDER	
					(YA/ TIDAK)	NYATAKAN
3.5	Keberatan Media Dari 52 gsm hingga 300 gsm	M			Ya	52 gsm hingga 300 gsm
3.6	Kapasiti Input Paper Tray (Standard) Tidak kurang 2,000 helaian 80 gsm (A4 dan A3)	M			Ya	Tray 1 : 500 helaian (A4 & A3) Tray 2 : 500 helaian (A4 & A3) Tray 3 : 500 helaian (A4 & A3) Tray 4 : 500 helaian (A4 & A3) Jumlah : 2,000 helaian 80 gsm (A4 & A3)
3.7	Masa untuk Warm Up Tidak lebih daripada 36 saat				Ya	25 saat atau kurang
3.8	Kelajuan Percetakan Salinan Pertama Hitam/Putih : Tidak lebih 4.1 saat Warna: Tidak lebih 5.2 saat	M			Ya	Hitam / Putih : 4.0 saat atau kurang Warna : 5.1 saat atau kurang
3.9	10" Skrin paparan berwarna				Ya	10.1" skrin paparan berwarna yang akan memudahkan pengendalian mesin.
3.10	Memori: Tidak Kurang 4 GB Hard disk: Tidak kurang 160 GB	M M			Ya Ya	Memori : 4GB Hard Disk : 250 GB
3.11	Side Stapling Penyemat kokot ketebalan tidak kurang 50 helaian 80 gsm A4 dan keupayaan mengokot A3	M			Ya	Penyemat kokot ketebalan 50 helaian 80 gsm A4 dan mampu mengokot A3
